

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.03.2015

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada GST akan dikenakan ke atas “kad perubatan” atau “*medical card*” memandangkan kadar premium telah dinaikkan oleh syarikat insurans dan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan rakyat golongan pertengahan mendapat perlindungan insurans yang sewajarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Secara umumnya, dasar yang ditetapkan bagi pembekalan produk insurans hayat, reinsurans hayat, takaful keluarga atau retakaful keluarga dibawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, adalah pembekalan yang dikecualikan. Insurans jenis ini merupakan simpanan jangka panjang dan perlindungan untuk pemegang polisi dan tanggungan mereka sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau bagi menampung keperluan asas hidup. Manakala pembekalan produk insurans am atau takaful am bagi perlindungan jangka pendek ke atas harta dan liabiliti daripada sebarang kehilangan atau kerosakan adalah tertakluk kepada GST pada kadar standard. GST turut dikenakan ke atas "kad perubatan" atau "medical card" untuk semua jenis insurans.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 18 MAC 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kedai yang menjalankan perjudian haram yang telah pun dikenakan tindakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching (P.195) serta Stampin (P.196) semenjak 2014. Senaraikan serta jumlah pegawai yang dikenakan dakwaan mahupun diberi amaran secara rasmi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen pusat perjudian dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (Akta 289) dan pihak MOF boleh melaksanakan penguatkuasaan ke atas pusat perjudian yang berlesen sahaja. Bagi pusat perjudian yang tidak berlesen atau lebih dikenali sebagai pusat perjudian haram, ianya tertakluk di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Peranan dan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) hanyalah berkaitan dengan proses mengeluarkan lesen premis perniagaan sebagaimana diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Mengenai soalan berapakah bilangan kedai perjudian haram yang telah dikenakan tindakan di kawasan Parlimen Bandar Kuching (P.195) serta Stampin (P.196) pada tahun 2014 dan bilangan pegawai yang dikenakan dakwaan mahupun diberi amaran secara rasmi daripada pihak Kerajaan

Negeri Sarawak, Kementerian ini masih lagi menunggu maklumat berkenaan daripada Pentadbiran Negeri Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

RUJUKAN : 7529

SOALAN:

**YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh
[Kalabakan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah Kementerian maklum bahawa untuk menampung keperluan Bandaraya Kota Kinabalu terdapat hanya ada 21 anggota polis trafik ; dan
- (b) jika maklum, apakah Kementerian berpuas hati bahawa jumlah ini sudah mencukupi untuk memenuhi keperluan kawalan lalu lintas di Bandaraya Kota Kinabalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut adalah statistik kekuatan anggota trafik, IPD Kota Kinabalu mengikut pecahan pangkat :

Pangkat	Kekuatan
Pegawai	8
Anggota	69
Jumlah Keseluruhan	77

Nota : Statistik berakhir pada 26 Februari 2015 (HRMIS)

Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju meningkatkan bilangan pegawai dan anggota PDRM iaitu sebanyak 4,000 perjawatan setiap tahun sehingga mencukupi. Tujuan penambahan jawatan adalah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat sama ada di bandar mahupun di luar bandar termasuk di Sabah amnya dan Kota Kinabalu khasnya. Walau bagaimanapun keperluan penambahan anggota ini mengambilkira kepada faktor-faktor seperti jumlah jenayah indeks, laporan trafik, laporan narkotik, jumlah sekolah, institusi pengajian tinggi, keluasan, kependudukan dan pembangunan setempat 20 hingga 30 tahun ke hadapan.